

## Terus rayu elaun bagi penerima pingat JPP, PTU, KPK

ADALAH dimaklumkan bahawa alasan menolak permohonan Kementerian Pertahanan untuk pemberian elaun bagi penerima Jasa Perkasa Persekutuan (JPP), Pingat Tentera Udara (PTU) dan Kepujian Perutusan Keberanian (KPK) ialah bagi mengelakkan penerima-penerima Seri Pahlawan (SP) dan Pingat Gagah Berani (PGB): "... akan terasa kecil hati tiada kelas." Jawapan kepada kedua-dua rayuan pula seperti mana yang sudah diketahui umum: "... tidak wajar dipertimbangkan."



Kapten (U) KL Chong (kanan) menunjukkan kesan tembakan kepada Brigedier Jeneral (U), Datuk Mohamed Ngah Said (dua dari kanan) selepas pesawat Nuri itu ditembak bertalu-talu oleh pegganas komunis semasa operasi menyelamatkan 'Cepung 475 Juliet Alpha' di Kroh, Perak pada Ogos 1978. Lans Koperal (komando), Ismail Ahmad yang berada dalam pesawat itu terkena tembakan dan terkorban.

Mungkin semua sudah sedia maklum, ketika kemuncak negara menentang kedurjanaan pegganas komunis di Semenanjung Malaysia, kami krew helikopter Nuri, menjadi sasaran utama musuh negara. Mereka berjaya menembak jatuh sebuah Nuri pada 26 April 1976 di kawasan operasi Gubir yang telah mengorbankan 11 warga tentera - lima krew dan enam anggota Tentera Darat.

Peranan kami tidak boleh disamakan dengan warga tentera darat, mereka memburu musuh manakala kami diburu dan bukan pemburu. We were simply defenceless shooting ducks!

Ketika Ops Selamat Sawadee di kawasan Kroh (Pengkalan Hulu), pegganas komunis ada menawarkan imbuhan kepada sesiapa yang berjaya membunuh juruterbang Nuri kerana mereka sedia maklum bahawa kami tetap melaksanakan tugas walaupun ditembak dan terus ditembak. Ia sudah jadi rutin bagi kami.

Ramai di antara warga Tentera Diraja Malaysia dianugerah SP dan PGB kerana berjaya membunuh musuh yang dicari atau terkena jerangkap samar.

Krew helikopter pula dianugerah PTU yang menurut Jeneral Tan Sri Mohd. Sani Abdul Ghafar, mantan Panglima Angkatan Tentera (1 Disember 1977 - 18 Januari 1981) sama statusnya dengan PGB. PTU diwujudkan khusus untuk juruterbang TUDM walaupun dua penerima adalah Kuatermaster Udara (KU).

Dalam dua insiden berasingan, musuh telah berjaya menembak mati dua anggota Air Rescue Team (komando) yang mengikuti Nuri ketika berada di tapak pendaratan. Saya sendiri telah ditembak dengan M79 di kawasan Klian Intan dan di dalam kawasan selatan Thailand. KU saya dan seorang warga 12 RAMD tercedera.

MEJAR (B) NOR IBRAHIM SULAIMAN TUDM

*Jitra, Kedah*

*Ehsan Utusan Malaysia 29 Nov, 2010*